

## Marikh Hampir Dengan Bumi


Pada 28 Januari 2010 planet Marikh akan berada hampir dengan Bumi. Marikh planet yang berjiran dengan Bumi merupakan planet yang keempat dari Matahari. Planet ini dikenali juga sebagai planet merah kerana permukaannya berwarna merah. Planet ini terbit di ufuk timur pada 7.31 malam dan selepas jam 9.00 malam adalah sesuai untuk dilihat kerana ia berada pada altitud lebih dari 20 darjah dari ufuk. Planet ini kelihatan seperti satu bintang yang terang berwarna kemerahan. Ia merupakan objek di langit cerah pada bulan ini. Kecerahannya hampir menyamai bintang Sirius iaitu bintang yang paling cerah.

Planet ini berada hampir dengan Bumi ketika istiqbal. Istiqbal Marikh ialah kedudukan Marikh dan Bumi berada dalam keadaan bertentangan dengan Matahari dalam sebaris. Bumi terletak di tengah antara Marikh dan Matahari. Ketika Istiqbal Marikh akan kelihatan lebih cerah dan lebih besar. Tempoh Marikh mengorbit Matahari ialah 687 hari manakala Bumi ialah 365 hari. Ini bermakna Bumi mengorbit dua kali lebih sedikit menyamai satu kali Marikh mengorbit Matahari. Oleh itu Bumi dan Marikh dalam tempoh dua tahun dua bulan atau 780 hari akan berada hampir. Istiqbal yang pernah berlaku sebelum ini ialah pada tahun 2003, 2005 dan 2007. Tahun 2003 adalah jarak Marikh paling hampir dengan Bumi pada jarak 56 juta kilometer.


Istiqbal kali ini Marikh berada pada jarak 99 juta kilometer dari Bumi, jarak kali ini lebih besar dari tahun 2003. Istiqbal ini akan berlaku pada 18:54 (UT), 29 Januari 2010 atau waktu tempatan 02:54, 30 Januari 2010. Oleh kerana orbit Marikh ini mempunyai nilai eliptik yang tinggi secara relatif menyebabkan tarikh Istiqbal tidak sama dengan tarikh ia paling hampir dengan Bumi. Marikh paling hampir dengan Bumi ialah pada 3:48 (UT) 28 Januari 2010 atau waktu tempatan 11:48, 28 Januari 2010. Istiqbal yang akan datang akan berlaku pada 3 Mac 2012.

Pada 28 Januari, jam 10 malam planet Marikh boleh dilihat tinggi di langit timur dalam buruj Cancer dan tidak jauh dari Bulan yang hampir purnama. Ia kelihatan sangat terang seperti bintang berwarna kemerahan. Dengan menggunakan teleskop bersaiz kecil atau sederhana kita boleh melihat permukaannya.

Kompleks Falak UK Hawarizmi akan melakukan cerapan pada 28 Januari 2010 bermula jam 9 malam hingga 11 malam. Cerapan ini terbuka kepada orang ramai. Teleskop akan disediakan untuk cerapan pada malam tersebut.



Rajah : Kedudukan Matahari, Bumi dan Marikh ketika Istiqbal



*Foto planet Marikh pada awal Januari 2010*

*Disediakan oleh*

*Dr(H) Kassim B. Bahali*

*Ketua Bahagian Falak*

*Kompleks Falak Al-Khawarizmi*

*Jabatan Mufti Melaka*